

**From:** Mohd Afiq Mohd Khairul Anuar (COMPLIANCE) <mohdafiqmk@ssm.com.my>  
**Sent:** Monday, July 12, 2021 10:52 AM  
**To:** undisclosed-recipients:  
**Subject:** NOTIS PERINGATAN: PEMATUHAN KNOW YOUR CUSTOMER (KYC) DAN CUSTOMER DUE DILIGENCE (CDD)

## **NOTIS PERINGATAN: PEMATUHAN KNOW YOUR CUSTOMER (KYC) DAN CUSTOMER DUE DILIGENCE (CDD)**

Tuan/Puan

2. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menerima banyak aduan berhubung salah laku oleh setiausaha syarikat dalam proses pelantikan jawatan pengarah dalam sesebuah syarikat. Di antara isu aduan yang diterima adalah seperti berikut:

- a. Gagal mengenalpasti dan mengesahkan identiti pelanggan ketika proses pelantikan jawatan pengarah syarikat;
- b. Gagal mengenalpasti dan mengesahkan *locus standi* identiti individu (pihak ketiga) yang berurusan dengan setiausaha syarikat;
- c. Gagal membuat pengesahan identiti dengan pengadu;
- d. Gagal memantau proses pelantikan pengarah dengan menyerahkan urusan tersebut dilakukan oleh staf di bawah seliaan setiausaha syarikat;
- e. Menerima arahan daripada pengarah syarikat tanpa mendapatkan pengesahan identiti daripada individu yang akan dilantik sebagai pengarah syarikat.

3. SSM memandang serius terhadap aduan yang diterima terutamanya kelemahan tahap pematuhan *Know Your Customer* (KYC) dan *Customer Due Diligence* (CDD) di kalangan setiausaha syarikat.

4. Sehubungan itu, SSM ingin memberi peringatan tegas kepada setiausaha syarikat agar memastikan pematuhan KYC dan CDD berada pada tahap yang memuaskan dan memantau urusan pelantikan tersebut dengan baik.

5. Sila ambil perhatian akibat kegagalan tersebut, setiausaha syarikat boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 591 Akta Syarikat 2016 dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau didenda tidak melebihi tiga (3) juta ringgit atau kedua-duanya.

6. Notis peringatan ini bertindak sebagai **peringatan tegas** kepada tuan/puan untuk memastikan pematuhan terhadap Akta Syarikat 2016 dan Akta lain yang dikawal selia

oleh SSM berada pada tahap yang terbaik. Tuan/Puan **tidak perlu** untuk memberi maklumbalas kepada notis peringatan ini.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pematuhan Korporat

Suruhanjaya Syarikat Malaysia



***WARNING!: This message and attachments are intended for the recipient(s) only. The information contained is privileged and/or confidential and intended for the person(s) named only. Any use, review, disclosure or copying of the contents is hereby strictly prohibited. If this email has been received in error, kindly notify the sender via email and delete this message and its attachment accordingly. Except where the email is sent in the usual course of business, any views expressed in this message are those of the individual sender unless expressly stated as being that of the Companies Commission of Malaysia. The Companies Commission of Malaysia cannot ensure that the integrity of this communication has been maintained or that it is free of errors, viruses, interception and / or interference. The Companies Commission of Malaysia is not liable whatsoever for loss or damage resulting from the opening of this message and/or attachments and/or the use of the information contained in this message and / or attachments.***

